

UTUSAN
21/4/15

Industri burung walet perlu ramai usahawan bumiputera

PUTRAJAYA 1 April - Kerajaan menggalakkan golongan bumiputera menceburi industri sarang burung walet yang semakin berkembang maju dan berpotensi menjana pendapatan mereka.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, keupayaan industri itu untuk meningkat maju tanpa campur tangan dan bantuan kerajaan membuktikan usahawan bumiputera mampu bersaing dengan pengusaha kaum lain.

Katanya, terkini, jumlah pen- daftaran premis walet adalah se- banyak 10,330 dengan 3,000 dari- padanya adalah milik bumiputera dan daripada 260 premis loji pemprosesan sarang burung walet yang berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar, hanya 16 iaitu 6.2 peratus kepunyaan bumiputera.

"Ini menunjukkan penyertaan bumiputera dalam industri ini masih terlalu rendah. Saya menyeru kepada persatuan berkaitan untuk memberi tumpuan dan fokus bagi meningkat-

kan penyertaan usahawan bumiputera dalam industri ini.

"Kerajaan amat menghargai dan menyokong penubuhan Persatuan Industri Sarang Burung

Walet Bumiputera Malaysia hari ini. Diharap persatuan ini dapat memainkan peranan memajukan industri ini khususnya dalam aspek kebijakan dan kemajuan usahawan," katanya.

Beliau berucap merasmikan Mesyuarat Agung Penubuhan Persatuan Industri Sarang Burung

Walet Bumiputera di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Azini Mohd. Shahid.

Ismail berkata, menerusi per- satuan tersebut, usahawan bumiputera industri burung walet perlu mengenal pasti langkah yang boleh diambil bagi menembusi pasaran global.

Katanya, Jabatan Perkhidma- tan Veterinar akan mendaftarkan sebanyak 25,000 buah premis sarang burung walet bagi memastikan pembangunan industri itu berjalan lancar.



ISMAIL SABRI